



AIR PASANG BESAR DI PELABUHAN KLANG

Daripada : Pegawai Pelabuhan, Jabatan Laut Wilayah Tengah
Kepada : Syarikat-Syarikat Perkapalan, Nakhoda Kapal, Pelaut Tempatan,
Nelayan-Nelayan, Jeti/Pengkalan dan Semua Pihak Yang Berkaitan
Tarikh : 16 Oktober 2003

Dimaklumkan bahawa pada tempoh 25 - 28 Oktober 2003, adalah dijangkakan bahawa air pasang besar akan berlaku di Pelabuhan Klang. Oleh yang demikian, maka semasa tempoh tersebut, semua vesel (bot-bot, tongkang dan kapal) yang melayari perairan Sungai Klang adalah dinasihat dan diingatkan supaya berhati-hati serta memandu dengan kelajuan yang selamat, memandangkan air pasang besar ini boleh menyebabkan arus yang deras serta di luar jangkaan.

2. Semua pihak-pihak yang berkenaan adalah juga disarankan supaya mengambil tindakan dan langkah-langkah berjaga, yang antarlainnya seperti berikut:-

- (i) Vesel hendaklah diikat dan ditambatkan dengan sempurna dan rapi,
- (ii) Tempatkan penjaga (*watchkeeper*) di atas vesel, pada setiap masa,
- (iii) Sediakan sauh kecemasan untuk digunakan apabila perlu.
- (iv) Semasa di jeti, elakkan dari gandingan yang melebihi dari dua buah vesel,
- (v) Semasa berlabuh, awasan labuhan mestilah dilakukan dengan sempurna.

3. Berikut adalah petikan ramalan air pasang pada tarikh-tarikh yang dimaksudkan:-

Tarikh (2003)	25 Okt (Sabtu)	26 Okt (Ahad)	27 Okt (Isnin)	28 Okt (Selasa)
Waktu (Pagi)	0538	0617	0654	0730
Ketinggian Paras Air	5.70 M	5.90 M	5.90 M	5.70 M

Sekian, terima kasih.

(MOHD SANI BIN ROSLI)

b.p. Pegawai Pelabuhan,
Jabatan Laut Wilayah Tengah.

- s.k: (i) Ketua Pengarah Laut,
Ibu Pejabat Laut Semenanjung Malaysia.
(u.p: Bahagian Keselamatan Pelayaran)
- (ii) Pengurus Besar, Lembaga Pelabuhan Kelang.
- (iii) Penyelia, Pusat VTS/MRCC.